

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** yang masih sah tempohnya dibawah **Kod Bidang 010102 [Bahan Bacaan], 010201 [Kertas] dan 020604 [Tag/Label/Tanda dan Sticker]** bagi menyertai sebut harga berikut :

| Bil. | Jenis Kerja | Harga Borang |
|------|--|----------------|
| 1. | Sebut Harga Perkhidmatan Mencetak Kad Jemputan, Kad Jawapan, Stiker Kereta, Kad Jemputan Majlis Jamuan Teh, Kad Jawapan Majlis Jamuan Teh, Stiker Kereta Majlis Jamuan Teh, Kad Jemputan Majlis Santapan / Jamuan Negeri, Kad Jawapan Majlis Santapan / Jamuan Negeri, Stiker Kereta Majlis Santapan/Jamuan Negeri, Kad Atur Cara Dan Menu Majlis Santapan / Jamuan Negeri Bagi Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur Serta 'Director' Kad Putih, Sampul Surat Dan Stiker Kerusi Bagi Majlis-Majlis Rasmi | RM10.00 |

Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat sahaja **mulai 1 Februari 2019 (Jumaat)** dan boleh diperolehi di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, Kuantan.**

Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada pembekal/ kontraktor atau wakil yang sah sahaja. **Wakil** yang ditakrifkan dalam ayat ini **ialah orang yang diberi kuasa dan namanya tidak tercatat dalam sijil pendaftaran sebagai ahli lembaga syarikat.** Bagi maksud ini, wakil hendaklah membawa bersama **surat wakil daripada syarikat.**

Sila kemukakan resit bayaran untuk mendapatkan dokumen sebut harga ini di Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan.

Dokumen sebut harga yang diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas **'No. Sebut Harga : SUK.PHG.SHA.03/2019(BIP)'** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan **selewatnya pada 14 Februari 2019 (Khamis), tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pn. Nor Suhaida di talian **09-5126653.** Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh penyebut harga untuk mengemukakan tawaran ini.